

SOALAN NO.: 328

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BERTULIS
DARIPADA : YB. IR. SHAHARUDDIN BIN ISMAIL
KAWASAN : KANGAR**

SOALAN:

YB. IR. SHAHARUDDIN BIN ISMAIL minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah status terkini rancangan Kerajaan menaik taraf Jalan Persekutuan daripada Changlun hingga ke Kuala Perlis, di mana terdapat aduan dari penduduk tempatan berkenaan struktur jalan raya masih lagi tidak diselenggarakan dengan baik dan boleh membahayakan kepada pengguna jalan raya.

66

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jalan Persekutuan daripada Changlun hingga ke Kuala Perlis (FT194) melibatkan jarak sepanjang 24.00 km merupakan jalan 2 lorong 2 hala (*dual carriageway*) dengan rekabentuk piawaian JKR R5. Kementerian ini sememangnya peka dan prihatin terhadap keselesaan pengguna jalan raya. Buat masa ini, berdasarkan *Highway Network Development Plan* (HNDP), Kementerian ini tiada perancangan pembangunan jalan tersebut. Kementerian ini juga tidak menerima permohonan untuk menaiktaraf projek tersebut daripada Kerajaan Negeri dalam tempoh Rancangan Malaysia Ke-sebelas (RMKe-11).

Walau bagaimanapun, bagi tahun 2017 jumlah peruntukan sebanyak **RM1.95 juta** telah diluluskan untuk program membaikpulih permukaan jalan serta pemasangan semula *wire rope* sepanjang Jalan Persekutuan di Laluan FT194 Seksyen 11.00-30.6, Jalan Changlun hingga Kuala Perlis, Arau, Perlis. Daripada jumlah itu, RM 1.8 juta telah diperuntukan untuk kerja-kerja pembaikan berkala pavemen bagi Jalan Changlun ke Kuala Perlis dan RM 150,000.00 bagi kerja membaiki pembahagi jalan jenis *wire-rope safety barrier*.

Sekian, terima kasih.